

Chitra

Mahu Kembali Menari Bharatanatyam

SESEKALI, APABILA MENGEMAS RAK BUKU, CHITRA DEVARAJOO MEMBELEK-BELEK MAJALAH *DEWAN SISWA* KELUARAN JUN 1989 DAN TERSENYUM SENDIRI. WANITA BERUSIA 48 TAHUN INI TERKENANG PENGALAMAN INDAH DIWAWANGARA WAKIL *DEWAN BAHASA* DAN PUSTAKA UNTUK DIPAPARKAN DALAM RUANGAN "PANCAROKA HIDUP". SAMBIL MELIHAT PENAMPILAN DIRINYA LENGKAP BERPAKAIAN PENARI *BHARATANATYAM* PADA KULIT HADAPAN MAJALAH, KAKI CHITRA SECARA SPONTAN BERGERAK MENGIKUT RENTAK DAN TAALA TARIAN TRADISIONAL ITU.

Apabila dihubungi semula 31 tahun kemudian untuk diwawancara bagi majalah *Dewan Budaya*, Chitra sedikit terkejut dan terharu. Walaupun pada mulanya beliau mengatakan tidak ada apa-apa yang menakjubkan tentang dirinya untuk dikongsi, perbualan kami selama hampir sejam mengetengahkan beberapa perkara menarik yang boleh menjadi sumber inspirasi kepada para wanita, belia, dan pencinta tarian tradisional.



“Saya lahir dan membesar di Sungai Pelek, Sepang, Selangor. Ibu saya, Mariaie Sellappan, seorang suri rumah dan beliau sangat meminati tarian tradisional. Mungkin dari situlah saya berminat untuk mempelajari *bharatanatyam*. Pada mulanya, bapa kurang menyokong tetapi selepas beliau melihat minat dan kesungguhan saya, bapa terus memberi sokongan penuh. Malah, beliau yang membawa saya untuk mengikuti kelas tarian di Port Dickson setiap minggu,” Chitra mengimbas kenangan lama.

Chitra mula belajar *bharatanatyam* dengan beberapa orang guru sejak berumur tujuh tahun dan sedang belajar di SK Sungai Pelek, Sepang. Hanya beberapa tahun kemudian, beliau bertemu dengan guru yang benar-benar serasi. Apabila Puan Asha yang menjadi gurunya meninggal dunia, suaminya, Thiagarajan menjadi guru tarian kepada Chitra. Hingga

kini, mereka masih saling berhubungan dan selalu berbincang tentang seni tari tradisional.

Bharatanatyam merupakan tarian tradisional masyarakat Tamil dari Tamil Nadu, India. Istilah *bharatanatyam* berasal daripada gabungan suku kata “bha” (*bhava*, ekspresi), “ra” (*raaga*, muzik), “ta” (*taala*, ritma), dan “natyam” (seni tari dramatik). Teknik tarian *bharatanatyam* berasaskan teks *Natyasastra* tulisan Bharata Muni lebih 2500 tahun dahulu dan masih menjadi manual rasmi bagi semua seni drama, tarian, dan muzik tradisional India.

Terdapat dua bahagian utama dalam tarian *bharatanatyam* iaitu *nritta* dan *nritya*. Teknik *nritta* merujuk kepada gerak-geri abstrak oleh penari untuk menunjukkan kehebatan dan kemampuan membuat persembahan penuh dramatik. Manakala, *nritya* merupakan bahagian “cerita” di mana menari menjadi “pencerita” dan menyampaikan sebuah kisah kepada para penonton menerusi gerak-geri (*abhinaya*) penuh ekspresif tanpa suara. *Abhinaya* yang perlu dikuasai penari *bharatanatyam* termasuk *mukhabhinaya* (ekspresi muka), *hastabhinaya* (*mudra*, ekspresi tangan), *netrabhinaya* (ekspresi mata), dan *angikabhinaya* (gerak-geri seluruh tubuh).

Pergerakan penari adalah secara semitrikal, iaitu apabila suatu aksi dilakukan pada sebelah kanan, maka aksi sama akan dilakukan seterusnya pada sebelah kiri. Penari



Chitra menjadi jurulatih pasukan kabadi wanita kebangsaan dalam Kejohanan Asean di Perlis pada tahun 2003.

bharatanatyam terlatih seperti Chitra mampu menggerakkan setiap anggota secara berasingan. Sebagai misalnya, hanya kepala atau mata digerakkan untuk menyampaikan cerita. Keunikan ini ditambah pula dengan penguasaan *navarasa*, iaitu kemampuan menggambarkan sembilan jenis emosi melalui *abhinaya* tanpa suara. Sembilan emosi itu ialah *sringara* (kasih), *hasya* (lucu), *karuna* (kasihan), *raudra* (marah), *veera* (berani), *bhayanaka* (takut), *bhibhatsa* (jijik), *adbutha* (takjub), dan *shanta* (tenang).

Memandangkan Chitra mempunyai minat yang amat mendalam, maka beliau berjaya mempelajari dan menguasai kesemua teknik yang kompleks ini dalam masa singkat. Walau bagaimanapun, ada proses dan peraturan yang perlu dipatuhi apabila menuntut ilmu seni tari *bharatanatyam*. Chitra menceritakan bahawa beliau dan beberapa rakan menghadiri kelas pada setiap hari Sabtu dengan yuran pada waktu itu RM20



Chitra (pakaian ungu) bersama-sama guru tari, Thiagarajan (baju putih), dan vokalis, Nalini Venugopal (paling kiri), dan rakan penari.



Bersama-sama pasukan kabadi lelaki dan wanita di Perlis pada 2003.

sebulan. Tempoh sekitar dua tahun diperlukan sebelum seorang guru tarian profesional akan mengiktiraf anak murid sudah layak digelar penari. Upacara *salangai pooja* diadakan di mana pelajar itu akan dipakaikan *salangai* iaitu gelang kaki dihiasi loceng.

“Selagi belum lulus peringkat awal dan melepasi upacara *salangai pooja*, seorang pelajar tidak boleh menari dengan memakai gelang kaki berloceng. Selepas *salangai pooja*, saya meneruskan latihan

selama hampir dua tahun sebelum guru tari saya mengesahkan saya sudah dapat mengadakan *arangetram* iaitu persembahan solo pertama atau semacam majlis graduasi,” ujar Chitra.

Dalam bahasa Tamil dan Malayalam, *arangu* merujuk kepada pentas atau ruang terbuka (tempat membuat persembahan), manakala *etram* membawa makna “naik”. Maka, secara simbolik, inilah kali pertama si penari naik ke pentas untuk membuat persembahan selepas menamatkan pengajian atau latihan tarian. Tempoh persembahan solo ini ialah sekitar dua hingga tiga jam dan penari perlu benar-benar memiliki stamina untuk menjayakannya.

Persembahan *arangetram* biasanya terdiri daripada bahagian *pushpanjali*, *alaripu*, *jatiswaram*, *shabdham*, *varnam*, *padam*, *ashtapadi*, *devaranama*, *thillana*, dan *mangalam*. Penari perlu benar-benar menguasai segala aspek tarian *bharatanatyam* sebelum mampu membuat persembahan lengkap secara solo. Tentu sahaja latihan intensif, komitmen, dan disiplin diri amat diperlukan. Sebab itu hanya apabila guru benar-benar berpuas hati, barulah beliau akan membenarkan pelajarinya mengadakan *arangetram*.

Selepas melepasi tahap *salangai pooja* dan *arangetram*, Chitra dan kawan-kawannya sering membuat persembahan *bharatanatyam* di kuil, sekolah, majlis keramaian, dan rakaman televisyen sempena Deepavali. Beliau yang sedang belajar di Sekolah Menengah Sungai Pelek pada ketika itu perlu bijak membahagikan masa antara tarian dan pelajaran. Hasil kerjasama dan sokongan ibu bapa, adik beradik (Tamilselvi, Ramesh,

dan Kausalya) dan guru tarian, Chitra berjaya mengimbangi kedua-duanya. Tambahan pula, beliau juga terlibat dalam sukan bola jaring di sekolah, selain mengikuti kelas *sangeetham* (nyanyian) dan *thevaram* (lagu-lagu agama) di sebuah kuil di Sepang.



Sivaganesan (baju merah) tidak pernah menghalang penglibatan Chitra dan anak-anak dalam bidang yang diminati.

Kali terakhir Chitra membuat persembahan *bharatanatyam* adalah pada tahun 2009 di tempat kerja. Selepas itu, beliau lebih banyak menumpukan masa dan perhatian kepada tiga orang anaknya. Seperti kata orang tua, ke mana tumpahnya kuah jikalau tidak ke nasi. Anak sulung Chitra, Thanushri Letchumy, yang kini berumur 24 dan sedang belajar di Universiti Malaya, mempelajari alat muzik tradisional *veenai* selain mempelajari *bharatanatyam* dan *kuchipudi*, iaitu tarian tradisional masyarakat Telugu. Anak kedua, Prasana Shri Letchumy, yang mengikuti pengajian doktor gigi pula menjadi penari *bharatanatyam*.

“Walaupun saya tidak lagi membuat persembahan, saya tidak

Chitra merupakan jurulatih bertauliah sukan kabadi.



Anak sulung, Thanushri Letchumy.





melepaskan peluang berlatih bersama anak-anak di rumah. Penglibatan dalam seni tradisional ini juga membantu mengeratkan hubungan kami. Saya tidak perlu bersusah-payah mendisiplinkan mereka kerana penglibatan dalam

latihan *bharatanatyam* sejak berumur tiga dan empat tahun sudah menanam nilai-nilai murni dan disiplin yang tinggi dalam diri mereka,” kata Chitra sambil mengaku menghargai setiap saat yang mampu diluahkan bersama anak-anak.

Chitra turut mendedahkan bahawa apabila melihat anak-anak membuat persembahan, maka beliau kembali berminat untuk menyambung latihan tarian *bharatanatyam* di bawah seliaan seorang guru di Nilai, Negeri Sembilan. Niat itu terpaksa ditangguhkan sebentar susulan Perintah Kawalan Pergerakan tetapi Chitra meneruskan latihan sendiri di rumah untuk mengekalkan stamina. Pada masa sama, beliau memperuntukkan masa menjaga ibu yang sudah tua, selain menguruskan keperluan harian anak-anak.

Mungkin juga timbul pertanyaan; Chitra sudah belajar *bharatanatyam* sejak berumur tujuh tahun. Jadi, Mengapakah tidak beliau sendiri menjadi seorang guru tarian dan melatih kanak-kanak? Apabila soalan ini diajukan, beliau menjelaskan bahawa ada peraturan tertentu yang perlu dipatuhi jika mahu menjadi guru *bharatanatyam*.

“Ada beberapa peringkat perlu dilalui sebelum seseorang layak

menjadi guru dan mengajar *bharatanatyam* kepada orang lain. Selepas *arangetram* yang merupakan semacam majlis graduan, seseorang perlu belajar lagi sebelum boleh menjadi

Seperti kata pepatah, ke mana tumpahnya kuah jikalau tidak ke nasi. Anak sulung Chitra, Thanushri Letchumy, yang kini berumur 24 dan sedang belajar di Universiti Malaya, mempelajari alat muzik tradisional *veenai* selain mempelajari *bharatanatyam* dan *kuchipudi*, iaitu tarian tradisional masyarakat Telugu. Anak kedua, Prasana Shri Letchumy, yang mengikuti pengajian doktor gigi pula menjadi penari *bharatanatyam*.

jurulatih atau juru tari yang berkelayakan. Sebagai misalnya, guru perlu tahu ilmu *nattuvangam* dan mampu menjadi mentor yang baik,” Chitra menjelaskan.

Nattuvangam merujuk kepada penguasaan *taala* (ritma) dan tempo dalam muzik *karnatik*, iaitu muzik klasik yang mengiringi

tarian *bharatanatyam*. Guru tarian biasanya menggunakan kayu khas untuk dipukul bagi menentukan *nattuvangam*. Ada juga guru menggunakan sepasang *kesi* (simbal) untuk menghasilkan taala yang menjadi panduan kepada si penari. Bukannya mudah untuk menguasai ilmu ini dan seterusnya menjadi guru *bharatanatyam* yang berkualiti. Jabatan Muzik di Universiti Annamalai, Tamil Nadu, India, misalnya, menawarkan program diploma *nattuvangam* selama setahun.

Walaupun tidak menjadi guru *bharatanatyam*, Chitra tetap berbangga kerana mampu menjadi suri teladan kepada anak-anak sendiri. Beliau juga amat gembira kerana ibu bapa sekarang menyedari kepentingan seni tradisional seperti tarian dan muzik, lalu memastikan anak-anak mendapat peluang mempelajarinya sejak usia kanak-kanak. Golongan remaja kaum India pada masa sekarang turut menunjukkan minat mendalam terhadap identiti budaya sendiri. Hal ini penting kerana sekiranya generasi muda mengabaikan muzik, tarian, pakaian, makanan, dan seni tradisional, maka semuanya akan hilang begitu sahaja.

“Saya belajar *bharatanatyam* pada usia tujuh tahun. Anak-anak saya mula belajar pada usia tiga dan empat tahun. Ramai yang bermula pada usia remaja, malah ada yang mula belajar pada usia dewasa. Perkembangan ini amat mengembirakan saya. Tarian tradisional seperti *bharatanatyam*, *kuchipudi*, *kathak*, *mohiniyattam*, dan *odissi* menanam disiplin dalam diri. Kita juga akan menjadi individu yang menghargai seni, memahami emosi, dan sentiasa berfikir positif,” Chitra menyimpulkan pada akhir perbualan. **DB**